

SITAAN HARTA ALIH - PERTAMA KALINYA DI MALAYSIA DI BAWAH AKTA 757



Operasi sitaan harta alih pemilik kediaman berstrata yang gagal membayar tunggakan caj penyelenggaraan kepada Perbadanan Pengurusan (MC) yang pertama di Malaysia telah dilaksanakan di Vista Sri Putra, Bangi Selangor pada 21 Mei 2017.

Tindakan penguatkuasaan terhadap lima (5) orang pemilik kediaman terbabit diambil mengikut peruntukan yang terkandung dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) oleh MC kawasan perumahan berkenaan.



Operasi penguatkuasaan ini dilakukan dengan kerjasama antara MC, KPKT, Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Kajang (COB, MPKJ), Unit Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, dan Jabatan Undang-undang MPKJ serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) ekoran kegagalan pemilik-pemilik unit berkenaan menjelaskan caj penyenggaraan yang keseluruhannya mencecah hampir RM40,000.00.



Penguatkuasaan di bawah Akta 757 ini dilaksanakan melalui beberapa mekanisme iaitu secara rundingan dan kerjasama berterusan antara KPKT dan Pesuruhjaya Bangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (COB PBT).

Secara keseluruhannya, tujuan penguatkuasaan di bawah Akta 757 dijalankan adalah seperti yang berikut:

- i. tindakan yang diambil dari sudut perundangan ke atas pesalah – pesalah berlandaskan peruntukan Akta 757;
- ii. mengwar-warkan kepada pihak yang berkepentingan seperti pemaju, badan pengurusan bersama (JMB), MC, ejen dan pemilik / pemunya petak / pembeli bahawa tindakan penguatkuasaan telahpun mula dijalankan;
- iii. memberi impak dan pengajaran kepada komuniti dan masyarakat supaya menjadikan pesalah yang telah diambil tindakan sebagai contoh;

- iv. menyedarkan masyarakat amalan yang salah supaya dapat diperbetulkan dan diperkemaskan dari segi aspek pengurusan, kewangan dan lain-lain; dan
- v. mendidik melalui teknik penguatkuasaan bagi membuka mata masyarakat demi generasi akan datang betapa pentingnya skim wajib diurus dengan baik.

Selain dilihat wajar sepertimana diperuntukan dalam Seksyen 78 (2) dan Seksyen 79 Akta 757, OPS 757 juga diharapkan dapat memberi kesedaran yang tinggi dan rasa tanggungjawab berhubung dengan pengurusan komuniti strata dan penyenggaraan bangunan berstrata baik pihak pemaju, JMB, MC, ejen dan pemilik / pemunya petak mahupun pembeli.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT